

ABSTRAK

Kajian ini bertajuk "Pelaksanaan Amalan Berbuat Baik Kepada Ibu Bapa dalam Kalangan Pelajar al-Quran dan al-Sunnah Tahun Satu di Fakulti Pengajian Islam". Didapati ramai pelajar tahun satu telah memahami maksud dan konsep serta mengetahui bentuk-bentuk amalan berbakti dengan agak baik melalui pembelajaran di sekolah-sekolah terdahulu sebelum menjelaki ke alam universiti. Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan untuk mengkaji dan menganalisis tahap pelaksanaan amalan berbuat baik yang telah diamalkan dan dilakukan oleh pelajar terhadap kedua ibu bapa mereka. Amalan berbakti kepada kedua ibu bapa di ambil contoh daripada para sahabat dan Nabi-nabi yang terdahulu serta dirujuk dalam al-Quran dan al-Sunnah bahawa amalan ini sangat penting dan wajib dilaksanakannya sebagai tanggungjawab seorang anak terhadap kedua ibu bapa. Dalam konteks kajian ini, pelajar di peringkat sarjana muda sahaja telah dipilih sebagai responden. Seramai 70 orang pelajar telah dipilih untuk mewakili sampel kajian. Instrumen kajian ini adalah dengan menggunakan set soal selidik yang mengandungi empat bahagian yang di dalamnya terdapat 40 item soalan. Set soal selidik telah diedarkan kepada responden dan dianalisis secara deskriptif untuk mendapatkan nilai kekerapan, peratusan serta min dengan menggunakan perisian *Statistical Package For The Sciences* (SPSS) atau Kaedah Penyelidikan dan Analisis Data SPSS. Dimuatkan juga dengan persempahan data yang berbentuk gambar rajah dan jadual bagi menjelaskan lagi perkara-perkara yang dibincangkan. Seterusnya, diharap kajian ini dapat menjadi panduan dan rujukan bagi pelajar al-Quran dan al-Sunnah Tahun Satu bahawa amalan berbuat baik kepada ibu bapa sangat penting khususnya bagi memberi kesan positif dari segi kefahaman, mengukuhkan penghayatan dan pengamalan dalam kehidupan seharian.